

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN 'PAMERAN KESIHATAN KELUARGA'
Lokasi : KOMPLEKS DAYA BUMI, KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-11-1988

Yang Berbahagia Dr Ruby Majeed, Pengerusi Jawatankuasa Pameran Kesihatan Keluarga; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama dimajlis pagi ini dalam suasana aman dan damai.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pameran anjuran Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia diatas jemputan untuk merasmikan 'Pameran Kesihatan Keluarga' pada pagi ini.

2. Saya dapati bahawa tema pameran 'Keluarga Sihat Negara Maju' itu amat tepat dan sesuai dengan masanya. Kita perlu menanamkan kesedaran di kalangan orang ramai betapa pentingnya kesihatan bagi kesejahteraan hidup mereka. Penyebaran maklumat kepada masyarakat umum menerusi pameran seperti ini yang menggunakan alat pandang dengar yang termoden adalah satu langkah yang paling sesuai dan berkesan sekali.

3. Semasa dalam Perkhidmatan Kerajaan dahulu, saya telah menekankan tentang pendidikan kesihatan bagi masyarakat umum dan bidang ini terus menjadi minat saya selama ini.

Baru-baru ini saya telah melancarkan 'Minggu Tanpa Merokok' yang dianjurkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai bahaya dan akibat buruk merokok. Saya sungguh gembira dengan kesedaran terhadap kesihatan yang begitu lumrah akhir-akhir ini. Berbagai-bagai kempen kesihatan telah dilancarkan dan saya berharap kempen-kempen ini meninggalkan kesan positif kepada masyarakat.

4. Saya difahamkan 'Pameran Kesihatan Keluarga' ini ialah satu usahasama doktor-doktor keluarga. Ini adalah satu usaha yang membanggakan dan saya ingin mengucapkan syabas kepada Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia yang telah berjaya menarik doktor-doktor keluarga yang begitu sibuk dengan tugas-tugas seharian mereka di klinik-klinik bagi meluangkan masa untuk berbakti kepada masyarakat. Dahulu, kami suami isteri telah menjalankan tugas sebagai doktor keluarga dan Pegawai Kesihatan dan berpeluang menjaga kesihatan beberapa generasi keluarga. Kami bersyukur kerana dapat menyaksikan keluarga-keluarga dibawah jagaan kami itu membesar hingga dewasa. Nyatalah bahawa perkhidmatan doktor keluarga ialah satu bidang perubatan yang dapat memberi nikmat kepuasan sanubari.

Para hadirin sekalian,

5. Keutuhan negara kita bergantung penuh kepada keluarga yang kukuh, sihat dan sejahtera. Oleh yang demikian saya mengalu-alukan penekanan pameran ini ke atas unit keluarga.

Ibu bapa sememangnya mempunyai peranan yang penting dalam menjaga kesihatan keluarga mereka. Mereka hendaklah sentiasa meningkat serta mengemaskinikan pengetahuan mereka mengenai kesihatan untuk menghadapi apa-apa masalah perubatan dalam keluarga mereka. Saya harap ibu bapa dapat menanamkan kesedaran terhadap kesedaran terhadap kesihatan di sanubari anak-anak mereka supaya mereka membesar dalam keadaan sihat dan sempurna dan bertanggungjawab terhadap kesihatan diri mereka sendiri.

6. Sepertimana yang kita semua sedia maklum Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan khas mengenai kesihatan keluarga. Pusat-pusat kesihatan yang kian bertambah diseluruh negara dianggotai oleh pasukan pekerja yang terlatih dan bertugas khusus bagi meningkatkan kesihatan keluarga. Pegawai-pegawai perubatan dipusat-pusat kesihatan ini juga memainkan peranan sebagai doktor

keluarga untuk masyarakat tempatan. Negara kita sedang pesat membangun dan mengikut peredaran masa dan perubahan citarasa masyarakat, saya percaya trend memilih doktor keluarga masing-masing akan menjadi satu amalan biasa pada masa hadapan.

7. Pameran ini bertujuan mendedahkan masyarakat kepada masalah kesihatan yang sering mereka hadapi, daripada peringkat kehamilan dan kelahiran bayi hingga ke peringkat kedewasaan. Oleh itu saya menasihatkan orang ramai supaya meluangkan masa untuk mengunjungi pameran ini. Mereka yang mengunjungi pameran ini akan dapat menikmati beberapa perkhidmatan yang disediakan iaitu ujian tekanan darah dan 'cholesterol', 'ujian pap smear' dan 'blood glucose', nasihat mengenai perancangan keluarga dan sebagainya.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Saya tertarik dengan idea pameran kesihatan keluarga sebagai satu cara pendidikan kesihatan keluarga yang bernas dan yang akan memberi kesan jangka panjang kepada kita semua. Pameran seperti ini perlu disebarkan kepada semua golongan masyarakat. Dengan itu saya ingin mengesyorkan agar pameran sedemikian boleh diadakan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur dan juga diperingkat negeri, terutama di kawasan luar bandar supaya orang ramai dapat mendalami pengetahuan mereka mengenai kesihatan .

9. Saya berharap pameran ini akan berjaya menarik minat orang ramai dan mencapai segala tujuannya. Dengan sukacitanya saya merasmikan 'Pameran Kesihatan Keluarga' ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.